



## SIARAN AKHBAR

### JERAYAWARA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2018 Sekolah Ugama Arab Menengah Pengiran Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampong Katok

**HARI RABU, 13<sup>HB</sup> SYAWAL 1439 BERSAMAAN DENGAN 27<sup>HB</sup> JUN 2018**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE), Kementerian Hal Ehwal Ugama (MORA), Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Perkerja (TAP) serta institusi-institusi dan agensi-agensi berkenaan telah mengadakan jerayawara yang pertama bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2018 di Sekolah Ugama Arab Menengah Pengiran Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampong Katok, pada Hari Rabu, 13 Syawal 1439 bersamaan dengan 27 Jun 2018.
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Khairunnisa binti Ash'ari, Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan daripada AMBD, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Daerah Brunei-Muara, dan SUAMPRIPAHS.
3. Dengan tema "*Generasi Celik Kewangan*", jerayawara ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung, pandai berdikari dari segi kewangan (*financial independence*) dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran para penuntut mengenai cara-cara untuk menangani isu-isu kewangan. Ini adalah selaras dengan usaha pihak AMBD untuk membangunkan generasi yang celik kewangan dan juga ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.
4. Sebanyak seratus (100) penuntut daripada pusat-pusat tingkatan enam dan sekolah-sekolah menengah di Daerah Brunei-Muara telah dijemput ke jerayawara ini, di mana para penuntut telah ikut serta dalam permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan mata wang, dianjurkan oleh AMBD, TAP, Bank Baiduri, BIBD, dan Junior Achievement.
5. Jerayawara ini merupakan jerayawara pertama daripada siri jerayawara-jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2018, yang seterusnya akan diadakan di Daerah Belait pada hari Isnin, 2 Julai 2018; di Daerah Tutong pada hari Rabu, 4 Julai 2018; dan sekali lagi di Daerah Brunei-Muara pada hari Rabu, 11 Julai 2018.
6. Di samping itu, acara-acara lain yang akan diadakan bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2018 adalah *Financial Fun Fair* di Jerudong Park Colonnade pada hari Sabtu, 4 Ogos 2018, dari jam 4

petang hingga 10 malam, dan hari Ahad, 5 Ogos 2018, dari jam 12 petang hingga 6 malam. Acara ini akan menampilkan pelbagai program keluarga dan aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan secara berhemat; dan *Financial Showcase* pada bulan September 2018.

7. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2018, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn/nsd2018](http://www.ambd.gov.bn/nsd2018); atau memuat turun AMBD App dari 'App Store' atau 'Google Playstore'; atau mengikuti AMBD di Instagram melalui @autoriti\_monetari.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 13 Syawal 1439 / 27 Jun 2018

Rujukan: AMBD/COMMS/3